



NOTIS PEMBERITAHUAN  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)  
HAD WAKTU OPERASI AKTIVITI PERNIAGAAN

MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI  
81300 SKUDAI, JOHOR

WHATSAPP ADUAN: 019-75555404 TEL. PEJABAT: 07-555500

KEPADA : SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN  
MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

TARIKH : 18 JANUARI 2021

**SILA AMBIL PERHATIAN!** Selaras dengan pengumuman Kerajaan berkaitan **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)** berdasarkan **Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988** dan **Akta Polis 1967** bermula pada **13 Januari 2021** sehingga **26 Januari 2021**.

Pihak Majlis membenarkan semua premis atau peniaga yang **mempunyai lesen perniagaan dari Majlis Bandaraya Iskandar Puteri** yang **SAH sahaja** untuk beroperasi. **SEMUA** aktiviti premis perniagaan atau aktiviti perniagaan yang **TELAH DIBENARKAN BEROPERASI** sepanjang tempoh PKP diarahkan mengikut **had waktu operasi** seperti berikut

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	TINDAKAN
1	<b>Perniagaan Berpremis Makanan dan Penjajaan</b> a) Restoran, Medan Selera/ Pusat Penjaja, Gerai Makan Tepi Jalan (Berbumbung) /Kiosk, Gerai Majlis. b) Kenderaan Saji ( <i>Food Truck</i> ), Penjaja Beredar, Penjaja Tepi Jalan (Sementara)	6.00 pagi hingga 8.00 malam	a) Penjualan <b>hanya dibenarkan secara bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran sahaja</b> dan mematuhi SOP
2	<b>Pasar Berbangunan</b> i. Pasar Awam Berbumbung ii. Pasar Persendirian Berbumbung	7.00 pagi hingga 2.00 petang	Perlu <b>mematuhi SOP</b> ketat yang telah ditetapkan dan perlu dengan pengawasan PBT /RELA.
3	<b>Sektor Perniagaan dan Peruncitan</b> i. Pasar raya/ pasaraya besar ii. Kedai runcit /Kedai serbaneka/keperluan harian iii. Kompleks perniagaan/ <i>Departmental Store</i> ( <b>kecuali BAHAGIAN PAKAIAN-tidak dibenarkan</b> ) iv. Klinik dan kedai makanan haiwan/ kedai haiwan v. Kedai dobi (perkhidmatan penuh dan layan diri) vi. Kedai barangan logam ( <i>hardware</i> )/ bahan binaan vii. Bengkel Kenderaan/ motorsikal (tayar, servis, alat ganti, aksesori, mengecat dan mengetuk) viii. Kedai elektrik/ elektronik/komputer dan aksesori ix. Kedai buku dan alat tulis/ cenderamata x. Kedai perabot/permaidani/langsir xi. Farmasi/ penjagaan diri/ kedai ubat xii. Kedai gambar/ menjual kamera/ percetakan/ <i>rubber stamp</i> /pengiklanan/ logo/fotokopi xiii. Kedai emas/perhiasan diri lelaki dan wanita xiv. Pusat cuci kereta/ motorsikal/ bas dan lain-lain xv. Kedai barangan sembahyang/ kedai bunga xvi. Kedai peralatan sukan/ membaiki basikal/ peralatan memancing ( <b>kecuali PAKAIAN SUKAN</b> )	6.00 pagi hingga 8.00 malam	a) Beroperasi seperti yang ditetapkan dengan <b>pematuhan SOP</b> . b) Semua sektor dalam senarai perkhidmatan perlu yang berdaftar dengan Kementerian/Agensi yang berkaitan c) Kapasiti kehadiran pekerja bagi pengurusan/ pejabat- 30%. Operasi dan sokongan ditentukan oleh majikan (kakitangan sokongan)

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	TINDAKAN
	xvii. Kedai kasut/beg (termasuk terpakai) xviii. Kedai menjahit pakaian xix. Pejabat urusan/pejabat persatuan/kelab komuniti/ agensi hartanah/ pemaju perumahan/ kontraktor pembinaan, kejuruteraan xx. Menjual kosmetik/minyak wangi/jam tangan xxi. Kedai permainan kanak-kanak xxii. Kedai pertanian (baja/racun/peralatan pertanian) xxiii. Kedai aluminium/kaca/bingkai/barangan plastik xxiv. Menjual keranda/batu nisan xxv. Menjual peralatan keselamatan/ kunci xxvi. Menjual barangan kitar semula/barang lusuh xxvii. Menjual barangan bayi xxviii. Pengedar gas LPG xxix. Kedai menjual tembakau xxx. Kedai cermin mata dan alat optik xxxi. Menjual peralatan karaoke/audio/alat muzik xxxii. Jualan kenderaan baru dan terpakai xxxiii. Jualan Promosi Tahun Baru Cina (hanya di <b>ruang legar dalam bangunan sahaja</b> )	6.00 pagi hingga 8.00 malam	a) Beroperasi seperti yang ditetapkan dengan <b>pematuhan SOP.</b> b) Semua sektor dalam senarai perkhidmatan perlu yang berdaftar dengan Kementerian/Agensi yang berkaitan c) Kapasiti kehadiran pekerja bagi pengurusan/ pejabat-30%. Operasi dan sokongan ditentukan oleh majikan (kakitangan sokongan)
4	<b>Perkhidmatan Perubatan /Kesihatan</b> i. Klinik, Hospital Kerajaan dan Swasta (24 jam) ii. Pusat Dialisis iii. Pusat Diagnostik iv. Fasiliti Perubatan Tradisional dan Komplimentari v. Pusat Jagaan vi. Pusat Fisioterapi/ Rehabilitasi vii. Makmal Perubatan	Seperti Biasa	Beroperasi seperti yang ditetapkan dengan <b>pematuhan SOP.</b>
5	<b>Stesen Minyak</b> i. Termasuk kedai serbaneka ii. Stesen minyak <b>di lebuhraya</b>	i. 6.00 pg hingga 10.00 mlm ii. 24jam	Beroperasi seperti yang ditetapkan dengan <b>pematuhan SOP.</b>
6	<b>Sektor Penjagaan Sosial</b> i. Taska/ Pusat Jagaan Kanak-kanak ii. Tadika, Tabika (beroperasi dengan kebenaran Kementerian/Agensi berkaitan)	Seperti biasa	Ibu bapa yang menghantar anak dibenarkan menggunakan kenderaan dengan jumlah penumpang kanak-kanak mengikut kapasiti kenderaan.
7	<b>Sukan dan Rekreasi</b> i. Aktiviti <i>jogging</i> tidak melebihi 02 orang dalam kawasan kejiranan sahaja. ii. Aktiviti berbasikal secara berseorangan tidak melebihi 10km dari tempat kediaman.	Seperti biasa	a) Mematuhi SOP Sektor Sukan dan Rekreasi b) Aktiviti berbasikal secara berkumpulan- <b>TIDAK DIBENARKAN</b>
8	<b>Pengangkutan Awam</b> i. Terminal Pengangkutan Awam (bas/LRT/kapal terbang/kereta api/penerbangan, feri dan bot-hanya untuk pekerja dan penduduk di pulau) ii. Perkhidmatan teksi/ <i>e-hailing</i>	Seperti Biasa	a) Pengangkutan awam-penumpang mengikut kapasiti kenderaan. b) Teksi/ <i>e-hailing</i> - 2 orang penumpang tidak termasuk pemandu

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	TINDAKAN
9	<b>Sektor Perhotelan</b> i. Penginapan ii. Restoran/kafe (Take Away/Delivery /Room Service)	Seperti Biasa	Beroperasi seperti yang ditetapkan dengan pematuhan SOP. <b>Fasiliti di hotel TIDAK DIBENARKAN.</b>
10	<b>Sektor Perkhidmatan Kewangan dan rantainya</b> i. Institusi kewangan (perbankan termasuk ATM, CDM, CQM,CoDM, insurans, takaful dan entiti - entiti lain yang dilisen, dilulus atau didaftar oleh Bank Negara Malaysia) ii. Entiti-entiti pasaran modal yang berlesen, didaftar atau dikawalselia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. iii. Pengurup wang	Seperti Biasa	a) Kapasiti kehadiran pekerja bagi pengurusan/pejabat- 30%. Operasi dan sokongan ditentukan oleh majikan (kakitangan sokongan)
11	<b>Sektor Perkilangan dan Pembuatan</b> i. Aeroangkasa termasuk MRO ii. Pengilangan dan perkhidmatan lepas jualan automotif iii. Makanan, minuman dan rantainya iv. Pembungkusan dan percetakan v. Produk barangan rumah, barangan penjagaan diri (sabun, pembersih diri dan lain-lain) dan bahan pencuci termasuk rantainya. vi. Penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet vii. Peralatan perlindungan peribadi (PPE) dan peralatan keselamatan kebakaran viii. Komponen untuk alat perubatan ix. Elektrik dan eletronik x. Minyak dan gas (oil and gas) xi. Petrokimia dan produk petrokimia xii. Produk kimia xiii. Mesin dan peralatan xiv. Seramik (sebagai acuan bagi sarung tangan) xv. Besi dan keluli xvi. Tekstil yang melibatkan pengeluaran PPE sahaja xvii. Sektor perabot xviii. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir	Seperti Biasa	a) <b>Pendaftaran kebenaran</b> melalui COVID-19 <i>Intelligent Management System (CIMS)</i> melalui pautan <a href="https://notification.miti.gov.my">https://notification.miti.gov.my</a> bermula 12 Januari 2021. b) Beroperasi seperti yang ditetapkan dengan <b>pematuhan SOP.</b> c) Senarai aktiviti boleh disemak di laman sesawang <a href="http://www.miti.gov.my">www.miti.gov.my</a> d) Kapasiti kehadiran pekerja bagi pengurusan/pejabat- 30%. Operasi dan sokongan ditentukan oleh majikan (kakitangan sokongan)
12	<b>Sektor Pembinaan</b> i. Kerja-karya penyelenggaraan dan pembaikan kritikal ii. Kerja-karya pembinaan infrastruktur awam yang utama iii. Kerja-karya pembinaan bangunan yang menyediakan penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina/ pekerja yang ditempatkan di Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ)	Seperti Biasa	Beroperasi seperti yang ditetapkan dengan <b>pematuhan SOP</b>
13	<b>Sektor Perkhidmatan Perbandaran dan Kerajaan Tempatan</b> i. Pajak gadai/ kredit komuniti ii. Pengurusan sisa pepejal/pembentungan iii. Pembersihan awam iv. Pembersihan premis dan sanitasi	Seperti Biasa	Beroperasi seperti yang ditetapkan dengan <b>pematuhan SOP</b>

BIL	JENIS PERNIAGAAN	WAKTU OPERASI DIBENARKAN	TINDAKAN
14	<b>Sektor Perladangan dan Komoditi</b> i. Pertanian, perikanan, dan perternakan serta rantainya. ii. Perladangan dan komoditi serta rantainya	Seperti Biasa	Beroperasi seperti yang ditetapkan dengan <b>pematuhan SOP</b>
15	<b>Sektor Telekomunikasi Digital dan Perkhidmatan perniagaan global serta E-Dagang</b> i. Pusat Perkhidmatan Telekomunikasi ( <i>Telco Centre</i> ) ii. Kedai telekomunikasi/ aksesori telefon/ tambah nilai ( <i>top-up</i> )/ membaiki telefon iii. Perkhidmatan <i>e-marketplace</i> /pembayaran digital iv. Pusat internet e-dagang setempat	Seperti Biasa	Beroperasi seperti yang ditetapkan dengan <b>pematuhan SOP</b>
16	<b>Sektor Perkhidmatan Utiliti dan Pengeedaran</b> i. Utiliti air dan tenaga ( <i>Runhill, TNB</i> ) ii. Pergudangan dan logistik iii. Perkhidmatan pos dan kurier	Seperti Biasa	Beroperasi seperti yang ditetapkan dengan <b>pematuhan SOP</b>
17	<b>Sektor Perkhidmatan Profesional</b> i. Perkhidmatan akauntan/ peguam/ auditor/ jurutera/ arkitek ii. Sainifik termasuk R&D dan teknikal penyelenggaraan	Seperti Biasa	Beroperasi seperti yang ditetapkan dengan <b>pematuhan SOP</b>
18	<b>Sektor Keselamatan</b> i. Kawalan keselamatan ( <i>security services</i> ) ii. Keselamatan dan pertahanan iii. Menjual peralatan keselamatan	Seperti Biasa	Beroperasi seperti yang ditetapkan dengan <b>pematuhan SOP</b>

#### **JENIS AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI**

BIL	JENIS PERNIAGAAN	TINDAKAN/CATATAN
12	<b>Sektor Ekonomi</b> a) Pasar malam b) Pasar pagi/sehari/pasar tani c) Bazar Skudai d) Kedai pakaian e) Kedai gunting rambut f) Salon kecantikan/ rawatan tata rias kuku tangan dan kaki g) SPA dan Pusat refleksologi h) Kelas tuisyen/muzik/seni/mengaji/bahasa dan sebagainya i) Agensi nombor ramalan j) Syarikat pengendali pelancongan k) Butik andaman pengantin l) Perkhidmatan Tabib (akupunktur) m) Sekolah memandu	<b>DITUTUP DAN TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI SEPANJANG TEMPOH PKP</b>
13	<b>Aktiviti Hiburan</b> a) Kelab Malam/ Pub (termasuk snuker dan <i>pool table</i> ) b) Aktiviti di taman tema, <i>indoor playground</i> , karaoke keluarga dan panggung wayang. c) Konsert secara langsung dan konsert. d) Permainan video/ <i>E-Sport/ Cyber cafe</i>	<b>DITUTUP DAN TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI SEPANJANG TEMPOH PKP</b>
14	<b>Seminar/Bengkel/ Persidangan/ Pameran/ Ceramah</b> Semua Seminar/Bengkel/Kursus/Latihan/Ceramah/Pameran dan aktiviti berkaitan dengan <i>Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE)</i> .	<b>TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI SEPANJANG TEMPOH PKP</b>

BIL	JENIS PERNIAGAAN	TINDAKAN/CATATAN
15	<p><b>Penganjuran Majlis Keramaian</b></p> <p>a) Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi Kerajaan dan Swasta, Majlis Sosial (kenduri-kendara, majlis perkahwinan dan pertunangan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, hari kelahiran, <i>reunion</i>, <i>retreat</i> dan lain-lain).</p> <p>b) Penyertaan pegawai kerajaan dan swasta bagi Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi dari kawasan <b>PKP</b>, <b>PKPB</b> dan <b>PKPP</b> ke luar kawasan.</p>	TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI SEPANJANG TEMPOH PKP
16	<p><b>Aktiviti Sukan dan Rekreasi</b></p> <p>a) Semua aktiviti sukan dan riadah kecuali kelonggaran aktiviti <i>jogging</i> dan berbasikal seperti yang dinyatakan di dalam SOP ini.</p> <p>b) Aktiviti penganjuran kejohanan /pertandingan.</p> <p>c) Aktiviti sukan dan rekreasi yang melibatkan penglibatan yang ramai dan sukar dikawal penjarakan fizikal.</p> <p>d) Acara dan pertandingan sukan yang melibatkan peserta dari luar negara.</p> <p>e) Gimnasium/fasiliti sukan/kompleks sukan</p> <p>f) Kolam renang awam dan persendirian/ kelas renang</p> <p>g) Aktiviti memancing</p> <p>h) Taman-taman awam</p>	TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI SEPANJANG TEMPOH PKP
17	<p><b>Aktiviti Pelancongan</b></p> <p>a) Aktiviti pelancongan ke luar/masuk kawasan PKP dan di kawasan PKPD</p> <p>b) Aktiviti pelancongan ke luar negeri oleh warganegara dan aktiviti pelancongan dalam negeri yang melibatkan pelancong asing memasuki Malaysia kecuali pelancong asing daripada negara sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri.</p>	TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI SEPANJANG TEMPOH PKP
18	<p><b>Lain-lain yang Tidak Dibenarkan</b></p> <p>a) Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan</p> <p>b) Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.</p>	TIDAK DIBENARKAN BEROPERASI SEPANJANG TEMPOH PKP

**Protokol Am Bagi *Standard Operating Procedure (SOP)* Dalam Pelaksanaan Langkah-langkah Pencegahan Penularan Wabak Penyakit Covid-19:**

**Kebersihan Premis**

- Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan kekerapan tiga (3) kali sehari dalam tempoh operasi terutamanya di kawasan umum (*common area*) seperti surau, tandas, stor, pejabat, kaunter, lift, tangga, tombol pintu, pegang tangga, bilik mesyuarat, kafeteria, restoran, dewan serbaguna dan lain-lain kawasan yang kerap disentuh dengan menggunakan cecair pencuci nyah kuman mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- Pelupusan pelitup muka hendaklah dibuang ke dalam tong sampah bertutup.
- Proses pembersihan bagi kawasan luar bangunan disarankan dilakukan dua (2) minggu sekali.

**Pengurusan Pelanggan dan Penjarakan Fizikal**

- Mengawal laluan keluar masuk pelanggan ke kompleks/ premis perniagaan/ bangunan komersial/ perusahaan.
- Meminima kemasukkan pelanggan ke dalam premis pada satu-satu masa tertakluk kepada keluasan.
- Melaksanakan Program Kesedaran Awam

- Pemilik premis **diwajibkan** mendaftar dan dan memuat turun aplilikasi **MySejahtera** untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis perniagaan/perusahaan.
- Meletakkan tanda di lantai, terutamanya di kawasan sesak seperti di kaunter pembayaran, bagi memastikan penjarakkan 1 meter.
- Menyediakan dan mempamerkan Garis Panduan "Do" dan "Don'ts" di kawasan strategik premis perniagaan/perusahaan untuk panduan pelanggan, pekerja dan pembekal mengenai langkah-langkah pencegahan penularan wabak Covid-19.
- Menggunakan medium komunikasi alternatif bagi mengadakan perbincangan atau perundingan pelanggan seperti atas talian, aplikasi WhatsApp, atau panggilan telefon sekiranya memerlukan sebarang maklumat awal untuk mengurangkan kontak fizikal secara bersemuka dan masa.

#### Saringan Kesihatan

- Memastikan semua staf, pembekal dan pelanggan melalui proses rekod kehadiran secara manual atau aplikasi MySejahtera dan saringan suhu badan.
- Bagi premis kompleks perniagaan, pengambilan suhu badan hanya sekali sahaja di pintu masuk dan bukan di setiap premis perniagaan bawah satu kompleks.
- Pekerja dan pelanggan yang mempunyai suhu **melebihi 37.5°C** dan menunjukkan simptom seperti sakit tekak, batuk, selesema, susah bernafas tidak dibenarkan memasuki premis.
- Mewajibkan pemakaian pelitup muka oleh pekerja, pembekal dan pelanggan setiap masa.

#### Penggunaan *hand sanitizer*

- *Hand sanitizer* disediakan di pintu masuk, kawasan umum, dobi, lif dan lain-lain lokasi yang kerap disentuh.
- Menyediakan kemudahan cuci tangan dengan menggunakan air dan sabun jika tidak menyediakan *hand sanitizer*.

#### Kaedah Pembayaran

- Menggalakkan pembayaran tanpa wang atau *cashless* (*e-wallet*, kad kredit dan lain-lain).
- ✓ Semua pengusaha premis perniagaan diminta mematuhi arahan ini **BERMULA 13 Januari 2021** sehingga **26 Januari 2021** atau **selagi tempoh PKP berkuatkuasa** selaras dengan peruntukan kepada kuasa **Majlis Bandaraya Iskandar Puteri** di bawah **Seksyen 72(1)(f), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)**.
- ✓ Premis perniagaan boleh di ambil tindakan dan ditutup jika pihak pengusaha/ peniaga gagal mematuhi **Standard Operating Procedure (SOP)** yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kerajaan Negeri, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- ✓ Pemakluman dan arahan ini dikeluarkan dari semasa ke semasa dan akan dipinda jika ada arahan selanjutnya dari pihak Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Negeri.

Arahan ini adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

Kerjasama dan tindakan tuan/puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Dengan Arahan:

  
Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

\*dikemaskini pada 18 Januari 2021